

**DEWAN RAKYAT
PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KETIGA
PARLIMEN KEEMPAT BELAS (2020)**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : DATO' HAJI AHMAD NAZLAN BIN IDRIS
[JERANTUT]**

TARIKH : 25 OGOS 2020 (SELASA)

SOALAN

DATO' HAJI AHMAD NAZLAN BIN IDRIS [JERANTUT] minta **MENTERI ALAM SEKITAR DAN AIR** menyatakan rancangan Kementerian bagi menghadapi cuaca ekstrem akibat daripada pemanasan global yang telah menyebabkan penyusutan sumber air negara sehingga terpaksa dicatu seperti yang berlaku di Melaka awal tahun ini.

JAWAPAN

Tuan Yang Di-Pertua,

1. Pemanasan global akan mengakibatkan penyusutan air di empangan seluruh negara dan seterusnya memberi kesan kepada kecukupan air mentah bagi disalurkan kepada kepada loji rawatan air.
2. Dalam hal ini, Kementerian telah menggariskan beberapa langkah dalam menghadapi situasi ini seperti berikut:
 - i. memantau rapi paras semua sungai dan empangan yang membekalkan sumber air mentah kepada loji-loji rawatan air di negeri masing-masing;

NO. SOALAN : 15

- ii. melaksanakan pembenihan awan dengan kerjasama Jabatan Meteorologi Malaysia di kawasan empangan dan kawasan tadahan air;
 - iii. mengenalpasti sumber-sumber air alternatif (seperti air kolam atau air bawah tanah) yang selamat digunakan bagi menambah sumber air yang sedia ada;
 - iv. mengaktifkan segera Pelan Kontingensi Bekalan Air sekiranya keadaan paras sungai dan empangan menyusut kepada paras waspada, amaran dan bahaya;
 - v. menyediakan keperluan-keperluan logistik bagi penghantaran bekalan air bantuan seperti lori tangki dan tangki statik ke tempat-tempat yang menghadapi gangguan bekalan air; dan
 - vi. melaksanakan catuan air kepada pengguna-pengguna sekiranya paras sungai dan empangan menyusut ke paras kritikal.
3. Kementerian juga menyeru supaya rakyat lebih berhemah dalam penggunaan air.

Sekian. Terima kasih.